



 [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)  [corp.comms@moh.gov.bn](mailto:corp.comms@moh.gov.bn)

# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

**PERUTUSAN  
YANG BERHORMAT  
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN  
HAJI JAAFAR  
MENTERI KESIHATAN  
SEMPENA MINGGU IMUNISASI SEDUNIA 2025**

**24 – 30th APRIL 2025**

**TEMA: “IMUNISASI UNTUK SEMUA MAMPU DICAPAI  
DENGAN IKHTIAR MANUSIA”**

***“Immunisation for All is Humanly Possible”***

***#VaccinesWork #HumanlyPossible***

1. Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam sekali lagi bersama dengan negara-negara ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang lain, akan menyambut Minggu Imunisasi Sedunia 2025 pada 24hb April hingga 30hb April 2025. Minggu Imunisasi Sedunia disambut setiap

tahun untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan vaksin dalam melindungi individu dan komuniti daripada penyakit berjangkit yang boleh dicegah.

2. Bagi tahun 2025, Minggu Imunisasi Sedunia disambut dengan tema '***Immunisation for All is Humanly Possible***'. Tema pada tahun ini memberi peringatan tentang kemajuan vaksin yang merupakan salah satu pencapaian terbesar dalam sejarah kemanusiaan. Sepanjang lima puluh tahun yang lalu, vaksin telah menyelamatkan sekurang-kurangnya 154 juta nyawa. Ini bersamaan dengan 6 nyawa seminit, setiap hari, selama lima dekad. Dalam tempoh lima puluh tahun ini, imunisasi telah menyumbang kepada 40% peningkatan dalam kadar kelangsungan hidup anak damit (*infant survival rate*).
3. Masa depan imunisasi bukan sahaja melibatkan jutaan kanak-kanak yang belum menerima walaupun satu suntikan, tetapi juga berperanan untuk melindungi keluarga dan masyarakat. Vaksin untuk seseorang juga dapat memastikan orang lain akan dilindungi daripada penyakit yang boleh dicegah melalui vaksin, seperti penyakit *Influenza*, *Tetanus*, jangkitan *Pneumokokus* dan jangkitan *HPV* (human papilloma virus) atau virus papilloma manusia.

4. Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, kita sangat beruntung kerana semua rakyat dan penduduk di Negara ini dapat menerima perkhidmatan vaksin daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan. Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada masa ini merangkumi 12 jenis vaksin untuk penyakit yang boleh dicegah melalui vaksin. Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah mencapai dan mengekalkan kadar liputan imunisasi di tahap yang melebihi 95% liputan setiap tahun.
5. Pengenalan vaksin *Pertussis* bagi ibu mengandung pada bulan November 2024, dan pengenalan *Vaksin Konjugat Pneumokokal (PCV)* untuk anak damit dalam Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan pada bulan Februari 2025, menyerlahkan komitmen Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan yang baik bagi penduduk negara ini. Pencapaian Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan juga telah berjaya menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu negara yang diisytiharkan bebas dari penyakit Polio, Measles dan Rubella, sejak dua dekad lalu.

6. Walaubagaimanapun, Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada ancaman kesihatan global yang berterusan dan semakin meningkat, sepertimana yang sedang berlaku di negara-negara lain pada masa ini, seperti *Polio* dan *Campak (Measles)*, yang telah menunjukkan peningkatan mendadak dalam wabak, akibat gangguan terhadap program imunisasi dan penurunan kadar liputan imunisasi di sesetengah kawasan di seluruh dunia. Oleh itu, kita tidak boleh terlalu selesa dengan pencapaian imunisasi kebangsaan negara kerana ini boleh membawa kepada kerentanan.
  
7. Di kesempatan ini, sempena Minggu Imunisasi Sedunia 2025, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan penduduk di negara ini mengenai kepentingan vaksin dalam melindungi nyawa, bukan sahaja untuk seseorang individu tetapi juga untuk semua orang di sekeliling. Tema bagi Minggu Imunisasi Sedunia 2025 menekankan lagi bahawa **'Imunisasi untuk Semua Mampu Dicapai Dengan Ikhtiar Manusia'**.

**-TAMAT-**